

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 14 MAC 2018 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Peluang sertai inovasi	Utusan Malaysia
2.	Ekuinoks, fenomena astronomi Mac ini	Utusan Malaysia
3.	Fenomena tengah hari tanpa bayang	Utusan Malaysia
4.	Aspek keselamatan perlu diberi perhatian	Berita Harian
5.	Usaha sama MTDC, Unipeq	Kosmo

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 14 MAC 2018 (RABU)



MAGRIS

Peluang sertai inovasi

PELUANG kepada mereka yang berbakat. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) memberi peluang kepada golongan tersebut menyertai aktiviti Pencarian Inovasi Akar Umbi 2018 yang merupakan sebahagian daripada program *Mainstreaming Grassroots Innovations* (Magris), satu program bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (2016 - 2020).

Ketua Pegawai Eksekutif YIM, **Tany Anthony Kiob** berkata, mereka yang berminat tetapi masih belum menghantar inovasi masing-masing masih berpeluang memenangi Geran Pembangunan Inovasi sebanyak RM30,000.

"Ini kerana tarikh akhir pendaftaran inovasi akar umbi telah dilanjutkan sehingga 31 Mac ini," ujarnya.

Magris merupakan projek yang bernaam untuk mempertingkatkan dan memacu usaha pembangunan dan pengkomersialan inovasi akar umbi yang berpotensi di negara ini.

Program tersebut diadakan menerusi kerjasama dengan pelbagai pihak seperti kerajaan, industri, masyarakat dan golongan muda bagi menyediakan peluang pembinaan kapasiti kepada pihak yang terlibat.

Sekiranya inovasi dipilih oleh Jawatankuasa Penilaian

Magris, mereka akan diberi sokongan dalam bentuk inisiatif pembangunan produk, jalinan hubung rangkaian dan penerapan pengetahuan.

Tany berkata, inovasi yang mempunyai potensi nilai pasaran yang tinggi diberi pendedahan sepenuhnya kepada aktiviti sokongan pembangunan pasaran pada peringkat selanjutnya.

Pada masa sama, semua peserta akan diundang untuk menyertai bengkel pembinaan kapasiti yang dianjurkan oleh YIM sepanjang tempoh berlangsungnya program tersebut.

Sejak dilancarkan pada tahun 2016, program Magris membantu membangunkan

hampir 20 buah inovasi di seluruh negara.

Bagi tujuan itu, sebanyak RM500,000 diperuntuk.

Kejayaan program ini membuktikan bahawa banyak inovasi pada peringkat akar umbi yang boleh diketengahkan kepada umum. Oleh itu, kepada inovator inilah peluang untuk mengembangkan idea dan produk anda.

Dengan bantuan dan khidmat sokongan oleh YIM, proses pembangunan produk dapat berjalan lancar dan sistematik.

Ayuh turut serta dalam usaha mengurus perdana inovasi akar umbi.

Maklumat lanjut layari laman sesawang magris.innomap.com.my dan yim.com.my.



TANY ANTHONY KIOB

Ekuinoks, fenomena astronomi Mac ini



SEPANJANG tiga bulan pertama tahun ini, banyak fenomena astronomi yang menarik perhatian kita dan masyarakat antarabangsa. Fenomena tersebut meskipun tidak semuanya dapat jelas kelihatan di langit kita, tetapi perhatian masyarakat tetap memberi makna terhadap minat kepada bidang sains.

Sebagai contoh pada 31 Januari lalu, ratusan peminat astronomi mengunjungi Planetarium Negara bagi menyaksikan mencerap gerhana bulan penuh. Dalam masa yang sama, beberapa lokasi lain di seluruh negara juga menjadi tumpuan orang ramai yang mahu merasai sendiri pengalaman tersebut sambil berkongsi maklumat. Beberapa balai cerap terpilih seperti Port Dickson, Kuala Terengganu, Tanjung Bidara (Melaka) antara yang menjadi tumpuan. Namun menurut Agensi Angkasa Negara (Angkasa) mereka yang terlepas

PELUANG MENARIK UNTUK MENCERAP PLANET UTARID

- Berlaku pada 15 Mac 2018
- Kelihatan menjelang waktu maghrib ke arah Barat
- Waktu terbaik mencerap Utarid
- Kecerahan planet Utarid adalah pada magnitud -0.2
- Jarak angular antara Matahari dan Utarid adalah sebanyak 18.4°
- Utarid berada pada kedudukan Elongasi Paling Timur



PLANET Utarid boleh dicerap pada 15 Mac ini.

melihat fenomena tersebut, berpeluang menyaksikannya sekali lagi pada 28 Julai ini. Dalam pada itu, satu lagi fenomena astronomi yang berlaku Mac ini adalah ekuinoks.

Ekuinoks merupakan fenomena tahunan matahari yang berlaku dua kali setiap tahun iaitu pada bulan Mac dan September. Perkataan *ekuinoks* berasal daripada perkataan

Latin, yang bermaksud 'malam yang sama'. Ketika berlakunya fenomena Ekuinoks, seluruh dunia akan mengalami tempoh waktu siang dan malam yang hampir sama iaitu 12 jam. Selain itu, fenomena Ekuinoks juga menandakan permulaan musim bunga dan musim luruh di Hemisfera Utara dan Selatan.

Paksi putaran Bumi adalah sendeng sebanyak 23.4° berbanding satah orbit bumi. Oleh itu, kedudukan matahari tidak akan berada tegak di atas garisan Khatulistiwa melainkan sewaktu berlakunya Ekuinoks. Penduduk yang tinggal di sekitar kawasan garisan Khatulistiwa juga dapat melihat Matahari yang dijangka berada tegak di atas kepala pada waktu tengah hari, bergantung kepada waktu tempatan masing-masing. Cahaya matahari boleh dikatakan seranjang dengan garisan Khatulistiwa semasa fenomena ini berlaku. Pada tahun ini, Ekuinoks pertama dijangka berlaku pada 21 Mac ini. Matahari akan berada tepat (kosong darjah) di atas garisan Khatulistiwa pada pukul 12.15 pagi. Dengan sinaran

FENOMENA EKUINOKS

Berlaku dua kali setahun iaitu pada 21 Mac dan 23 September 2018.

Matahari berada tegak di atas Garisan Khatulistiwa.

Berasal daripada perkataan Latin *eku* bermaksud sama dan *nox* bermaksud malam.

Panjang siang dan malam hampir sama di seluruh dunia.

Ekuinoks bulan Mac menandakan bermulanya musim bunga di Hemisfera Utara dan musim luruh di Hemisfera Selatan.

Ekuinoks bulan September menandakan bermulanya musim luruh di Hemisfera Utara dan musim bunga di Hemisfera Selatan.

FENOMENA ASTRONOMI MAC 2018

15 Mac: Utarid di Elongasi Paling Timur. Utarid berada 14.8 darjah dari matahari. Boleh dilihat semasa matahari terbenam. Waktu terbaik untuk mencerap planet Utarid.

5 Mac: Bulan purnama pertama pada bulan Mac. Fasa bulan purnama pertama bermula pada 8.51 pagi. Bulan kelihatan selepas maghrib.

31 Mac: Bulan purnama kedua pada bulan Mac. Fasa bulan purnama ini bermula pada 8.37 malam.



AGENSIA Angkasa Negara (Angkasa) giat mempromosi fenomena astronomi bagi meningkatkan minat pelajar dalam bidang sains.

matahari yang diterima penuh setiap hari, kita yang tinggal di sekitar Khatulistiwa mungkin tidak merasakan perbezaan panjang siang dan malam ini. Oleh itu, isu berkaitan Ekuinoks bukan sesuatu yang luar biasa. Namun, Ekuinoks Mac ini adalah permulaan bagi musim bunga di Hemisfera Utara dan musim luruh di Hemisfera Selatan. Ekuinoks kedua pula dijangka berlaku pada 23 September ini. Matahari akan berada tepat di atas garisan Khatulistiwa pada pukul 9.54 pagi. Ekuinoks September pula adalah permulaan bagi musim luruh di Hemisfera Utara dan musim bunga di Hemisfera Selatan. Perubahan cuaca dan

kepanasan melampau disebabkan oleh pelbagai faktor tetapi fenomena Ekuinoks bukanlah salah satu daripada faktor tersebut. Walaupun Ekuinoks berlaku pada bulan Mac dan September, suhu tertinggi hanya direkodkan pada bulan Mac, tetapi tidak pada bulan September berdasarkan laporan laman sesawang weather-and-climate.com.

Perubahan kitaran kedudukan matahari semasa Ekuinoks hanya menyebabkan adanya pertukaran musim yang kita alami di Bumi. Hemisfera Utara akan menerima banyak sinaran matahari berbanding Hemisfera Selatan selepas Ekuinoks Mac berlaku dan sebaliknya apabila berlaku Ekuinoks September ini.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 22

TARIKH : 14 MAC 2018 (RABU)

Fenomena tengah hari tanpa bayang

DUNIA akan mula mengalami fenomena Ekuinoks untuk tempoh sepanjang hari pada 21 Mac ini iaitu pada pukul 08.15 pagi waktu Malaysia. Berdasarkan istilah astronomi, fenomena Ekuinoks bermaksud matahari akan berada tepat di atas garisan Khatulistiwa pada sepanjang tempoh hari tersebut.

Pada waktu siang semasa Ekuinoks, matahari berada tegak di atas kepala pemerhati pada waktu tengah harinya iaitu bagi lokasi-lokasi di sepanjang garisan Khatulistiwa.

Antara contoh bandar yang berada di atas garisan Khatulistiwa termasuklah bandar Quito di Ecuador (Amerika Selatan), Nairobi di Kenya, Afrika dan Pontianak di Kalimantan, Indonesia.

Tiada bandar di negara ini yang berada di atas garisan Khatulistiwa kerana Malaysia terletak sedikit ke utara daripada garisan Khatulistiwa.

Semasa Ekuinoks juga, tempoh waktu siang dan waktu malam di seluruh dunia secara teorinya akan menjadi sama panjang iaitu, 12 jam siang dan 12 jam malam sesuai dengan istilahnya dalam bahasa Latin itu atau dalam bahasa Inggeris *equal night*.

Pada 22 Mac ini, matahari akan beranjak sedikit ke utara dan tidak lagi berada secara tepat di atas garisan Khatulistiwa bagi memulakan pergerakannya ke Hemisfera Utara bumi sehinggalah ia berada tepat di atas Garisan Sartan iaitu di sepanjang latitud 23.5 darjah

Utara pada 21 Jun ini nanti iaitu ketika fenomena Solstis musim panas pula akan berlaku.

Johor Bahru dan bandar lain yang sama latitud dengannya di Malaysia, merupakan bandar yang pertama akan mengalami fenomena 'tengah hari tanpa bayang' iaitu pada 24 Mac atau, tiga hari selepas Ekuinoks berlaku.

Pada 24 Mac, matahari akan berada tepat di atas kepala pada waktu tengah hari bagi pemerhati di Johor Bahru dan bandar lain yang sama latitud dengannya di Malaysia serta di seluruh dunia dan pada ketika itu juga, bayang-bayang akan jatuh betul-betul di kaki pemerhati dan seolah-olah ketika tengah hari itu, tiada bayang-bayang.

Anggaran bagi tarikh untuk beberapa bandar utama lain di Malaysia yang akan mengalami 'tengah hari tanpa bayang' adalah seperti jadual disertakan. Jadual tersebut juga boleh digunakan untuk menganggarkan tarikh 'tengah hari tanpa bayang' bagi bandar-bandar lain yang berdekatan atau berada di antara latitud bandar-bandar utama tersebut.

Pada kebiasaannya, kedudukan matahari yang tegak di atas kepala pada waktu tengah hari sering kali dikaitkan dengan sekitaran yang panas dan terik. Walau bagaimanapun, fenomena Ekuinoks bukanlah merupakan punca kepada sekitaran yang panas dan terik pada sepanjang hari tersebut dengan mengambil contoh seperti di puncak Gunung Stanley dengan ketinggian 5,109



Pada 22 Mac ini, matahari akan beranjak sedikit ke utara dan tidak lagi berada secara tepat di atas garisan Khatulistiwa bagi memulakan pergerakannya ke Hemisfera Utara bumi sehinggalah ia berada tepat di atas Garisan Sartan iaitu di sepanjang latitud 23.5 darjah Utara pada 21 Jun 2018 nanti iaitu ketika fenomena Solstis musim panas pula akan berlaku."



m di banjaran Rwenzori yang terletak di sempadan antara negara Uganda dan Congo serta berada sangat hampir dengan

garisan Khatulistiwa iaitu pada latitud 00°23'09" Utara, dan longitud 29°52'18" Timur kerana puncaknya sentiasa dilitupi salji walaupun Ekuinoks berlaku saban tahun.

Catatan semasa hari Ekuinoks pada 20 Mac 2016 di Malaysia juga mendapati bahawa langit pada waktu tengah hari pada hari tersebut sedikit dilitupi awan panas.

Selepas dua atau tiga jam kemudiannya, hujan lebat di kawasan Putrajaya dan Kuala Lumpur serta kawasan-kawasan di sekitarnya lalu menjadikan suhu sekitaran sangat selesa bagi penduduk di kawasan tersebut pada petang hari berlakunya Ekuinoks.



Bil.	Bandar	Negeri	Latitud	Tarikh
1	Johor Bahru	Johor	1°29' Utara	24 Mac
2	Kuching	Sarawak	1°34' Utara	25 Mac
3	Bandar raya Melaka	Melaka	2°12' Utara	26 Mac
4	Kuala Lumpur	W. Persekutuan	3°09' Utara	28 Mac
5	Miri	Sarawak	4°24' Utara	1 April
6	Ipoh	Perak	4°36' Utara	1 April
7	Georgetown	Pulau Pinang	5°25' Utara	3 April
8	Kota Kinabalu	Sabah	5°58' Utara	5 April
9	Alor Setar	Kedah	6°07' Utara	5 April
10	Kota Bharu	Kelantan	6°08' Utara	5 April

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (ISU) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 14 MAC 2018 (RABU)

SUSULAN KOD IMBAS QR DIGUNA GODAM AKAUN BANK, DATA PERIBADI

Aspek keselamatan perlu diberi perhatian

➔ Tutup setiap ruang untuk aplikasi disalah guna sebagai medium jenayah

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Aspek keselamatan dalam penggunaan kod capaian pantas (QR) di negara ini perlu diberikan perhatian, khususnya dengan menutup setiap ruang untuk aplikasi itu disalah guna sebagai medium jenayah.

Aspek penguatkuasaan oleh pihak berkuasa khususnya Bank Negara Malaysia (BNM) juga wajar dipertingkatkan dengan mengambil kira rakyat negara ini yang kini dalam proses peralihan menuju transaksi pembayaran tanpa tunai.

Ahli Kluster Industri dan Inovasi Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Mohamed Amin Embi, berkata teknologi kod QR sepatutnya memudahkan dan menyenangkan pengguna, tetapi ia juga mampu diseweng pihak tertentu

untuk mendapatkan keuntungan. "Walaupun sistem baik sekali pun, masih ada pihak ambil kesempatan. Oleh itu BNM perlu memainkan peranan sepenuhnya kerana isu membabitkan kebocoran data penting tidak boleh dipandang mudah.

Penguatkuasaan tegas

"Perlu ada penguatkuasaan tegas terhadap mereka yang mengadaptasi pembayaran tanpa tunai menggunakan teknologi baharu seperti kod QR ini," katanya kepada BH, semalam.

BH Bongkar semalam mendedahkan kira-kira 11 juta pengguna telefon pintar di negara ini berisiko kehilangan data peribadi, termasuk maklumat akaun bank setiap kali mengimbas kod QR yang setengahnya mungkin digunakan pihak tertentu untuk tujuan jenayah.

CyberSecurity Malaysia (CyberSecurity) mendedahkan teknologi itu berpotensi disalah guna, dengan penyebaran 'spam', sama ada melalui e-mel atau laman web palsu.

Mohamed Amin yang juga Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), mencadangkan aspek kemanusiaan pada teknologi itu diberi lebih perhatian kerana ia berisiko untuk disalah guna oleh pihak yang ada akses



Walaupun sistem baik sekali pun, masih ada pihak ambil kesempatan. Oleh itu BNM perlu memainkan peranan sepenuhnya kerana isu membabitkan kebocoran data penting tidak boleh dipandang mudah"

Mohamed Amin Embi,
Ahli Kluster Industri
dan Inovasi MPN



Keratan muka depan BH semalam.

kepada teknologi berkenaan.

"Secanggih mana sekali pun sistem atau teknologi digunakan, masih ada manusia yang diberi kebebasan untuk mengakses. Di sinilah punca berlakunya salah guna seperti kebocoran data penting," katanya.

Mudah untuk disalah guna

Sementara itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Yusof Abdul Rahman, berkata penggunaan kod QR untuk pelbagai tujuan pada hari ini amat membimbangkan kerana ia mudah untuk disalah guna.

"Trend sekarang menunjukkan kod QR digunakan untuk apa sahaja urusan dan disebarkan kononnya sebagai cara untuk mengikuti perkembangan sesuatu isu. Sekarang, apabila kita imbas kod itu, ia terus membawa kita kepada laman web tertentu.

KOD IMBAS QR
DIGUNA GODAM
AKAUN BANK,
DATA PERIBADI
Ms. 12

"Cara ini tentu sekali memudahkan pihak tidak bertanggungjawab untuk 'masuk' (menggodam) ke dalam telefon pintar dan melakukan tindakan tidak sepatutnya," katanya.

Yusof berkata, pengguna perlu lebih berhati-hati dalam mendapatkan maklumat melalui kod QR dan perlu menggunakan kod selamat untuk melakukan sebarang urusan.

Sebelum ini, BNM dilaporkan komited memajukan penggunaan Kod QR sebagai sebahagian transaksi pembayaran tanpa tunai melalui Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Operasi (ICTF).

Melalui inisiatif itu, pelanggan bank dan bukan bank akan dapat memindahkan dana dalam keseluruhan rangkaian dengan hanya merujuk kepada nombor telefon bimbit, nombor pengenalan atau kod QR.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 52
TARIKH: 14 MAC 2018 (RABU)

Usaha sama MTDC, Unipeq

KUALA LUMPUR - Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. (MTDC) dan Unipeq Sdn. Bhd. (Unipeq) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memberi laluan kepada kerjasama rasmi dalam ekosistem perniagaan halal.

MoU berkenaan akan menyaksikan Unipeq secara rasmi berkongsi maklumat, pengetahuan dan pengalaman dalam perniagaan halal yang berkait dengan penerima Dana Pembangunan Teknologi Halal (HTDF) MTDC.

Unipeq, anak syarikat milik penuh UKM Holdings Sdn. Bhd., cabang komersial Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga dijangka membantu dalam mengenal pasti syarikat berpotensi dan layak untuk memohon dana tersebut.

MoU berkenaan ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus dan anggota lembaga pengarah Unipeq, Prof. Datuk Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah O.K. Rahmat.

Pada majlis yang sama, dua syarikat penerima HTDF yang baharu diluluskan, Suci Harumatiques Sdn. Bhd. dan Chocofac (Malaysia) Sdn. Bhd., diperkenalkan dan diserahkan kad yang menandakan penyertaan mereka dalam ekosistem halal.

Suci Harumatiques dan Chocofac masing-masing menerima pembiayaan RM1.3 juta dan RM2.8 juta melalui HTDF MTDC di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), untuk memperluaskan barisan produk. - Bernama